

TARIKH	2 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	32	RUANGAN	Setempat

Kuota jemaah haji

Harap tak dikurangkan

>>Oleh Wan Asrudi Wan Hasan

am@hmetro.com.my

POH: Malaysia berharap kerajaan Arab Saudi tidak mengurangkan kuota ditetapkan bagi jemaah haji negara ini setiap tahun bagi memastikan 930,000 individu yang dalam senarai menunggu berpeluang menunaikan ibadat berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, Tabung Haji (TH) kini dalam persiapan terakhir menguruskan penghantaran jemaah ke Makkah bagi menunaikan rukun Islam kelima itu.

"Minggu ini, wakil TH iaitu Pengurus Besar Kanan Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman menyampaikan surat komitmen kepada kerajaan Arab Saudi memohon setiap apa yang berlaku...diharap kuota kita (Malaysia) tidak disentuh.

"Kami berharap mendapat kuota (jemaah haji) sebagai mana biasa yang kami dapat.

Saya jangkakan perkembangan mengenai perkara itu diperoleh dalam tempoh sehari dua ini selepas Syed Saleh pulang dari Makkah," katanya ketika ditemui selepas Seminar Pemahaman Wasatiyyah dan Gagasan 1Malaysia di Institut Tadbiran Islam Perak, di sini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan menerusi TH melakukan persediaan meliputi pelbagai aspek seperti hotel, bangunan dan makanan.

"Malah, kami bagi tender kepada syarikat yang menguruskan penerbangan jemaah dan tahun ini, ada lebih 100 penerbangan yang menguruskan perjalanan pergi dan balik.

"Kami membuat persiapan lebih awal kerana tidak mahu timbul sebarang masalah dalam urusan haji," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, senarai menunggu dalam kalangan warga emas juga kini mencecah lebih 3,000 orang dan TH berusaha mendahulukan mereka yang berdaftar lebih awal kecuali bagi kes tertentu seperti orang kurang upaya (OKU), warga emas berusia lebih 75 tahun dan mereka yang mahu mengerjakan Haji Badal atau Haji Gantian.

"Peningkatan jumlah warga emas yang berdaftar semakin ketara dan ia menjadi trend apabila mereka yang bersara terus mendaftar permohonan menunaikan haji.

"Walaupun jumlah senarai jemaah menunggu semakin meningkat tetapi saya me-

mikirkan daripada sudut positif iaitu kuasa kewangan orang Islam di negara ini semakin bertambah," katanya.



KHIR...sampai surat komitmen